

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk sebelum Anda memutuskan untuk menyertai AIA i-Starter Plan, Sila pastikan juga Anda membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

### 1. Produk apakah ini?

AIA i-Starter Plan adalah pelan Takaful keluarga bertempoh 1 tahun, yang menyediakan perlindungan ke atas kematian.

### 2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

**Wakalah** - kontrak di antara Peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC sebagai Pengendali Takaful), di mana Peserta memberi kuasa kepada AIA PUBLIC untuk menjalankan urusan perniagaan Takaful bagi pihak Peserta. AIA PUBLIC akan mengambil sebahagian daripada Caruman Peserta sebagai yuran *Wakalah* untuk perkhidmatan ini.

**Tabarru'** - baki Caruman selepas ditolak dengan yuran *Wakalah*, yang akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai derma untuk tujuan saling membantu antara Peserta-peserta lain yang memerlukannya.

**Ju'alah** - AIA PUBLIC berhak memperolehi 50% daripada Lebihan dari Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai yuran prestasi kerana mengendalikan dana tersebut dengan efisien dan menyebabkan lebihan. Baki Lebihan akan diagihkan kepada Peserta-peserta yang layak.

**Qard** - adalah pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh AIA PUBLIC kepada DRP sekiranya ia menjadi defisit bagi membolehkannya membayar faedah-faedah Takaful kepada Peserta yang layak. Jumlah ini akan dibayar-balik dari Lebihan pada masa hadapan sebelum ia diedarkan.

### 3. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Pelan ini menawarkan:

Keterangan	Faedah
Kematian	RM <Basic Sum Covered>

Tempoh perlindungan: 1 tahun

### 4. Berapakah Caruman yang harus saya bayar?

Caruman yang Anda perlu bayar: RM <X,XXX.XX> (<Payment Frequency>).

Tempoh Caruman: 1 tahun.

Anda harus memastikan bahawa Anda mampu membayar Caruman yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

### 5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya kena bayar?

- Yuran *Wakalah* akan ditolak dahulu sebagai peratusan daripada Caruman untuk membayar perbelanjaan pengurusan AIA PUBLIC.
- Pelan ini tidak mempunyai sebarang komisen dan tiada perantara yang terlibat dalam pemasaran pelan AIA i-Starter Plan.
- Selepas yuran *Wakalah* ditolak, baki Caruman yang dibayar akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai *Tabarru'* yang bertujuan untuk memberi perlindungan dan membayar tuntutan untuk peristiwa/risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful. *Tabarru'* akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Anda.

Jadual di bawah menunjukkan peruntukan Caruman:

Tahun Sijil		1
Caruman	RM	<XXX.XX>
Yuran Wakalah	%	40%
	RM	<XXX.XX>
Peruntukan Caruman ke dalam DRP (Tabarru')	%	60%
	RM	<XXX.XX>

Nota:

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk penerangan lanjut mengenai yuran dan caj-caj di bawah pelan ini.

## 6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur Anda dengan betul.
- Tempoh Percubaan** - Anda berhak untuk memeriksa dan membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada AIA PUBLIC yang ditandatangani oleh Anda dalam masa 15 hari selepas Anda menerima Sijil Takaful atau e-Sijil tersebut. Caruman yang Anda telah bayar akan dibayar balik kepada Anda.
- Tempoh Ihsan** - Anda diberi Tempoh Ihsan selama 31 hari dari tarikh genap tempoh bagi pembayaran setiap Caruman berikutnya. Jika Caruman masih tidak dibayar pada akhir Tempoh Ihsan ini, Sijil Takaful ini akan luput.
- Prosedur Tuntutan** - Borang tuntutan boleh dimuat turun dari laman web AIA, diperolehi dari mana-mana Pusat Pelanggan AIA atau dengan menghubungi Care Line Kami di 1-300-88-8922. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh AIA PUBLIC untuk memudahkan pembayaran sebarang faedah. Sekiranya tuntutan kematian, adalah dinasihatkan untuk memberitahu AIA PUBLIC dengan segera. Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur tuntutan, sila rujuk laman web AIA.

Nota:

- Ia adalah tidak menguntungkan untuk menukar dari satu pelan Takaful ke pelan yang lain, kerana Anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru dan sebarang tempoh yang berkenaan untuk pengecualian keadaan sedia ada di Sijil Takaful baru.
- Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk butiran lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Kandungan di dalam Sijil Takaful akan terpakai sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Helaian Pendedahan Produk dan Sijil Takaful.
- Sila ambil perhatian bahawa caruman yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

## 7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah Sijil ini?

Sebarang tuntutan kematian yang timbul daripada peristiwa berikut adalah tidak dilindungi:

- Kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula, yang mana kemudian. Liabiliti AIA PUBLIC adalah terhad kepada pembayaran balik caruman tanpa keuntungan. Setelah itu, Sijil ini akan ditamatkan.

*Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen Sijil Takaful untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya di bawah Sijil ini.*

## **8. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?**

Anda boleh membatalkan/menyerahkan Sijil Takaful Anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA PUBLIC. Apabila Sijil Takaful dibatalkan/diserahkan selepas Tempoh Percubaan, Caruman yang belum digunakan dari DRP dan Yuran Wakalah yang belum diperolehi dari dana Pengendali Takaful (jika ada) akan dibayar kepada Peserta, tertakluk jika tiada sebarang tuntutan dilakukan bagi Sijil ini.

## **9. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir peribadi saya bertukar?**

Adalah penting untuk Anda memaklumkan AIA PUBLIC mengenai sebarang pertukaran kepada butir-butir peribadi Anda seperti alamat Anda atau e-mel bagi memastikan AIA PUBLIC dapat menyampaikan maklumat penting kepada anda. Anda juga perlu memaklumkan AIA PUBLIC mengenai sebarang pertukaran alamat penama-penama Anda bagi memudahkan pembayaran tuntutan.

## **10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga atau Perlindungan Tenang, sila layari [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my) atau laman web kami di AIA.COM.MY.

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**AIA PUBLIC Takaful Bhd. 201101007816 (935955-M)**  
Menara AIA, 99 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Care Line: 1 300 88 8922  
Tel: 03 - 2056 1111  
Email: [my.customer@aiapublic.com.my](mailto:my.customer@aiapublic.com.my)  
Website: AIA.COM.MY

AIA PUBLIC adalah berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

## **11. Produk-produk sedia ada lain yang serupa**

Sila hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau layari laman web kami di AIA.COM.MY untuk produk-produk sejenis lain yang kami tawarkan.

### **NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN DIRI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN MENGHUBUNGI AIA PUBLIC TAKAFUL BHD. SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH LANJUT.**

**HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNG RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SIJIL TAKAFUL. SIJIL TAKAFUL AKAN SENTIASA MENGATASI DOKUMEN INI.**

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah setakat <MM/DD/YYYY>